

# **PENGLIBATAN MENTERI BESAR DALAM MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DAN MAJLIS MESYUARAT NEGERI SELANGOR, 1948-1957**

Oleh : Shahirah binti Mustaffa, Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria

## **Abstrak**

Kajian ini membuktikan penglibatan Menteri Besar Selangor dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKNS) dan Majlis mesyuarat Negeri Selangor (MMNS) daripada sudut pentadbiran, ekonomi dan sosial bermula 1 Februari 1948 hingga 31 Ogos 1957. Jawatan Menteri Besar Selangor berkuat kuasa 1 Februari 1948. Peranan Menteri Besar sangat penting sebagai Pegawai Kerajaan Paling Kanan bagi berkhidmat dan taat setia kepada Sultan supaya Selangor menjadi lebih maju dari semasa ke semasa. Penggunaan sumber primer seperti pejabat Kolonial (Colonial Office : CO), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PSUKNSEL), Pejabat Dewan Undangan Negeri Selangor (PDUNS), Pejabat Penasihat British Selangor (British Adviser's Selangor Office; BASO), Minit Majlis Mesyuarat Negeri Selangor (Minutes of Selangor Council; MSC), Pejabat Sultan Selangor (PSS) dan Akhbar menjawab permasalahan dimaklumkan. Seramai enam tokoh Melayu dilantik sebagai Menteri Besar Selangor sememangnya terlibat dalam perbincangan MMKNS dan MMNS. Mereka berbincang bersama-sama Sulran, Penasihat British dan ahli Majlis dengan begitu baik dan teratur dalam MMKNS (Sultan Selangor ialah Presiden) dan MMNS (Sultan Selangor tidak dilantik sebagai Presiden atau ahli). Mereka memberikan pendapat, cadangan, bersetuju dan menyokong idea didapati relevan untuk perkembangan Selangor. Perbincangan MMKNS dan MMNS ialah mengenai pentadbiran, ekonomi dan sosial. Kedudukan MMKNS dalam pentadbiran ialah pertama manakala kedudukan MMNS pula kedua.

Kata kunci : Menteri Besar Selangor, Majlis Kerajaan Negeri Selangor, Majlis Mesyuarat Negeri Selangor, Pentadbiran, Ekonomi, sosial.